



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 118 BIL 44/2023

PERMOHONAN RAYUAN PELAJAR PRASISWAZAH TINGGAL DI RESIDEN PELAJAR BAGI SEMESTER I SESI AKADEMIK 2023/2024 (FASA 3) DAN RAYUAN PERTUKARAN PENEMPATAN PELAJAR DARI RESIDEN PELAJAR DHUAM KE RESIDEN PELAJAR 5 / KOLEJ KEDIAMAN MAWADDAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Saudara/i,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

1. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan rayuan bagi pelajar prasiswazah (Fasa 3) dan juga permohonan rayuan pelajar yang tinggal di Residen Pelajar DHUAM ke Residen Pelajar 5 atau Kolej Kediaman Mawaddah akan dibuka bermula pada **9 – 13 Oktober 2023**.
2. Bagi rayuan fasa 3, pelajar **WAJIB** membuat permohonan secara atas talian melalui ***E- community>hostel application***.
3. Manakala bagi **rayuan perpindahan penempatan pelajar** yang tinggal di Residen Pelajar DHUAM ke Residen Pelajar 5 / Kolej Kediaman Mawaddah mestilah melalui pautan <https://tinyurl.com/smce8z9v>
4. Kepada pelajar-pelajar yang telah membuat permohonan secara surat atau melalui emel, permohonan tersebut **dianggap tidak sah** dan pelajar perlu membuat permohonan semula melalui ***E-community>hostel application*** (bagi rayuan fasa 3.0) dan melalui pautan di atas (bagi kes permohonan pertukaran penempatan asrama).
5. Pelajar mempunyai masalah kesihatan/kewangan atau mempunyai apa-apa dokumen sokongan, pelajar perlu menghantar dokumen sokongan serta permohonan rayuan ke Pejabat RP masing-masing atau pelajar boleh memuatnaik dokumen tersebut ke emel residen@umpsa.edu.my bagi kes rayuan fasa 3. Bagi permohonan pertukaran penempatan asrama dari Residen Pelajar DHUAM ke Residen Pelajar 5 / Kolej Kediaman Mawaddah pula, dokumen sokongan perlu dimuatnaik dalam pautan di atas.

6. **Pelajar yang telah membuat permohonan rayuan dan ditawarkan asrama** pada Semester I Sesi Akademik 2023/2024, adalah **tertakluk kepada Polisi Tanpa Pemulangan (No Refund Policy)**.
7. **Semua** permohonan dinyatakan di atas adalah masih tertakluk kepada kekosongan asrama dan keputusan adalah muktamad.
8. Penempatan bilik pelajar adalah tertakluk kepada Pengurusan Residen Pelajar dan pelajar tidak boleh memohon pertukaran bilik.
9. Keputusan rayuan (Fasa 3) dan juga penempatan asrama RP DHUAM ke RP5 akan diumumkan pada **17 Oktober 2023 (Selasa) melalui e-Community**.
10. Pendaftaran masuk (check in) ke asrama yang diluluskan bermula **19 Oktober 2023** (sekiranya berjaya).
11. Pelajar dialu-alukan hadir ke Pejabat Residen Pelajar atau emelkan sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas ke residen@umpsa.edu.my .
12. Untuk pertanyaan *No Refund Policy*, pelajar boleh emelkan kepada Jabatan Bendahari di collection1@umpsa.edu.my.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Teknologi Untuk Masyarakat’



MOHD RAIZALHILMY BIN MOHD RAIS

Pengarah Perkhidmatan Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Tarikh: 9 Oktober 2023